

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI, 8 OKT.)

1983

KUALA LUMPUR, 8 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI KELAB-KELAB SAINS PERINGKAT SEKOLAH MESTI DOPUPUK DAN DIBERI ORIENTASI MUDAH SUPAYA PEMIKIRAN SAINS DARI KALANGAN PELAJAR DAPAT DIMAJUKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KELAB-KELAB ITU, SEPERTI KELAB-KELAB MATEMATIK, ASTRONOMI DAN KOMPUTER, JUGA PERLU DISESUAIKAN DENGAN PENGGUNAAN SEHARIAN.

+PARA PENDIDIK MESTILAH MENEROKA DAN Mencari JALAN BAGI MENJADIKAN MATA PELAJARAN-MATA PELAJARAN SAINS SEBAGAI BIDANG YANG MUDAH DIFAHAMI DAN BOLEH DIGUNAKAN UNTUK KEPENTINGAN SEHARIAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM UPACARA PENUTUP PERTANDINGAN AKHIR KUIZ SAINS KEBANGSAAN 1983 DI AUDITORIUM DEWAN BANDARAYA DI SINI. UCAPANNYA DISACAKAN OLEH MENTERI PELAJARAN DATUK DR SULAIMAN DAUD.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ALAM PENDIDIKAN, TERUTAMANYA SEKOLAH, ADALAH TAPAK YANG PENTING BAGI MEMAJUKAN PEMIKIRAN SAINS ANGGOTA MASYARAKAT.

DI NEGARA-NEGARA MAJU, KATANYA, MATA PELAJARAN-MATA PELAJARAN SAINS DIANGGAP MENARIK TETAPI DI MALAYSIA IA LEBIH DIANGGAP SEBAGAI MEMBOSAN DAN MENAKUTKAN. - LAGI 1747 BW

ZCZC 8612

PM -SAINS 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENGGESA AHLI-AHLI SAINS DAN PENDIDIK BERUSAHA MENJADIKAN ALAM SAINS SEBAGAI ALAM YANG BOLEH DISENANGI OLEH ORANG BIASA DAN BUKAN UNTUK SEGELINTIR MANUSIA SAHAJA.

KATANYA DI NEGARA INI, SAINS MASIH MERUPAKAN SATU PERKARA YANG ASING BAGI SEBAHAGIAN BESAR ANGGOTA MASYARAKAT YANG MEMANDANG DISIPLIN ITU SEBAGAI BIDANG YANG SUSAH, PENUH MISTERI DAN HANYA UNTUK ORANG YANG OTAK MEREKA BERGELIGA SAHAJA.

"SEBANARNYA DALAM APA JUA BIDANG, IA TIDAK SEMESTINYA SUSAH KALAU DIPELAJARI DENGAN TERATUR DAN SISTEMATIK," KATANYA.

BELIA MEMBERI CONTOH DAHULU KEBANYAKAN ORANG MELAYU TIDAK YAKIN MEREKA BOLEH MENJADI JURUTERA, JURUTERBANG DAN PAKAR DALAM BERBAGAI BIDANG, TETAPI SEKARANG TERDAPAT RAMAI ORANG MELAYU YANG MENJADI PAKAR DALAM BIDANG-BIDANG YANG TIDAK DIMIMPIKAN KEMUNGKINANNYA OLEH MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TELAH MELETAKKAN ASAS UNTUK KEMAJUANNYA DAN APA YANG SEDANG DIUSAHA DAN DIRANCANGKAN SEKARANG IALAH BIASA MEMBAWA KEMAJUAN YANG LEBIH BESAR LAGI.

"SEKARANG IALAH MASA UNTUK MEMPERLUAS DAN MEMPERKUKUKKAN ASAS INI SUPAYA SELURUH MASYARAKAT KITA DAPAT BERGERAK SERENTAK DENGAN KEMAJUAN SAINS DAN TEKNOLOGI DAN SEMUA BIDANG ILMU PENGETAHUAN," KATANYA. - LAGI 1800 BW

PM -SAINS 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA PENGETAHUAN SAINS DAN KEMAMPUAN TEKNOLOGI SANGAT PENTING BAGI SESEBUAH MASYARAKAT KERANA SAINS ADALAH ALAT DAN CARA YANG MEMBANTU Mencari Kebenaran manakala teknologi adalah alat dan cara yang boleh membantu memperbaiki kehidupan.

Katanya sains dan teknologi tidak bertentangan dengan agama, apatah lagi dengan Islam yang amat menitikberatkan umatnya menuntut ilmu dengan akal fikiran yang dikurniakan Allah.

Sekarang umat Islam telah ketinggalan kerana mereka mengabaikan kepentingan ilmu pengetahuan, ilmu sains dan lain-lain yang dikurniakan kepada mereka, tambahnya.

''ada antara mereka yang cuma menuntut ilmu untuk akhirat dan ada yang mementingkan dunia semata-mata, dan ada pula yang angkuh dan tidak mahu bekerjasama serta menggembeleng dan memperseimbangkan ilmu pengetahuan bagi kepentingan dan kehormatan diri dan umat''.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagi orang yang faham dan yakin, Al-Quran adalah tempat rujukan bagi semua bidang ilmu pengetahuan kerana ia mengandungi berbagai perkara termasuk teori tentang kejadian alam, pergerakan planet dan kejadian kehidupan daripada air. - LAGI 1810 BW

NNNN

ZCZC B614

PM - SAINS 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

Katanya ini harus menimbulkan keinsafan betapa umat Islam telah dikurniakan dengan asas ilmu pengetahuan dengan Al-Quran tetapi mereka tidak begitu menghiraukannya. - BERNAMA 1513